

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA PROGRAM SERANTA DAN DIPLOMASI AWAM  
BERSAMA MENTERI LUAR NEGERI**

**7 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS) | 12.30 TENGAH HARI  
DEWAN CANSELOR UMS**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan  
Salam Negaraku Sehati Sejiwa

**Salutasi**

(akan disediakan)

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita diberi kesihatan yang baik dan diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam Program Seranta dan Diplomasi Awam bersama Yang Berhormat Dato' Sri Anifah Haji Aman,

Menteri Luar Negeri bersempena dengan Minggu Suai Mesra Pelajar Baharu UMS Sesi 2017/2018.

Terlebih dahulu, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri kerana sudi hadir ke Universiti Malaysia Sabah.

**Yang Berhormat Dato' Sri serta Pelajar Baharu Yang Saya Kasihi Sekalian,**

Universiti Malaysia Sabah merupakan sebuah universiti komprehensif yang menawarkan program dalam pelbagai bidang pengajian. Setakat ini, UMS mempunyai sebanyak 66 program di peringkat prasiswazah dan 165 program di peringkat pascasiswazah.

Bagi sesi 2017/2018, seramai 4725 orang pelajar termasuklah pelajar antarabangsa telah ditawarkan tempat untuk mengikuti pengajian di UMS.

Buat pertama kali juga, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri, program pengajian baharu iaitu program Pendarasan Islam telah ditawarkan bagi sesi ini melibatkan pengambilan pertama pelajar seramai lebih 30 orang. Ini menunjukkan bahawa UMS berada di trek yang betul untuk terus Soaring Upwards.

Saya percaya, Minggu Suai Mesra UMS kali ini sangat mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Sri. Untuk makluman semua, Yang Berhormat Dato' Sri merupakan seorang pemimpin yang amat disegani, bukan sahaja di peringkat tempatan, malah telah terbukti ketokohan beliau di peringkat antarabangsa. Sebagai seorang pemimpin yang berpengalaman dalam mengendalikan hal ehwal berkaitan Dasar Luar Malaysia, banyak pengalaman yang akan dikongsikan bersama dengan kita pada hari ini.

Together with us also Yang Berhormat Dato' Sri and is our collaboration partner, Befriender Kota Kinabalu. Befriender Kota Kinabalu was established in 2007 and affiliated with Befriender Worldwide. The centre founded with a mission to alleviate distress and reduce the risk of suicide through emotional support and public education. They are also providing helplines through email, Facebook Messenger, and Twitter.

**Para Pelajar Yang saya Kasihi Sekalian,**

Saya berharap, Program Seranta dan Diplomasi Awam bersama Yang Berhormat Dato' Sri serta penglibatan Wisma Putra dan Befriender Kota Kinabalu akan dimanfaatkan oleh anda semua. Para pelajar juga akan dapat mendengar kisah-kisah kejayaan dan perkongsian beberapa orang tokoh yang dibawa khas oleh Befriender Kota Kinabalu pada petang ini.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya selaku Naib Canselor berasa bertuah dan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri kerana dapat bersama-sama meluangkan masa sempena Minggu Suai Mesra ini, lebih-lebih lagi dapat membuat pengisian dengan menyampaikan ucaptama. Juga terima kasih kepada Befriender Kota Kinabalu yang bekerjasama dengan UMS bagi menganjurkan program yang sangat memberikan manfaat ini kepada para pelajar.

Semoga jalinan dan kerjasama ini akan diteruskan lagi pada masa-masa yang akan datang. Insya-Allah.

Sekian,  
Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.